

17/05/1997

JPA kaji struktur gaji (HL)

Izman Ismail

KUALA LUMPUR, Jumaat - Kerajaan sedang menjalankan kajian menyeluruh berhubung struktur gaji lebih 800,000 kakitangan awam, termasuk pelbagai elaun serta imbuhan yang diberikan sekarang.

Ketika mengumumkannya hari ini, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kajian semula oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) itu termasuk perbandingan gaji serta imbuhan yang diperolehi pelbagai kategori pekerja di sektor swasta.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan menggunakan laporan kajian itu sebagai garis panduan apabila membincangkan tuntutan kenaikan gaji dan elaun dengan Cuepacs pada masa depan.

Kajian itu akan mengenal pasti kedudukan sebenar pendapatan kakitangan awam berbanding sektor swasta berikutan anggapan bahawa pendapatan mereka rendah dan kononnya kakitangan awam tidak cukup sara hidup.

Dr Mahathir berkata, laporan awal menunjukkan keadaan di sektor swasta pun sama, malah dari segi imbuhan dan elaun, kakitangan awam peringkat rendah lebih baik berbanding kategori yang sama di sektor swasta.

"Bagaimanapun bagi peringkat atasan, kakitangan awam memang mendapat gaji yang rendah. Oleh itu, kajian ini akan dijadikan garis panduan. Kita nak tahu benar atau tidak keadaan ini.

"Kerajaan juga menghadapi masalah apabila sesuatu tuntutan diselesaikan kerana tuntutan lain pula wujud dan ia nampaknya tidak berakhir," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pembinaan dan upacara pecah tanah Muzium Kesenian Islam Malaysia di sini, hari ini.

Sebelum itu, ketika berucap di majlis penyampaian Anugerah Khidmat Cemerlang 1996 bagi Jabatan Perdana Menteri di Pusat Islam, Dr Mahathir berkata kerajaan sedang menunggu laporan JPA berhubung kedudukan gaji kakitangan awam sekarang.

Kerajaan akan menggunakan laporan itu sebagai asas untuk mengkaji semula gaji kakitangan awam.

"Saya dapati kalau dijumlah gaji, elaun dan pencen, pendapatan kakitangan awam lebih baik daripada swasta melainkan kakitangan di peringkat tinggi.

"Swasta bayar gaji kakitangan eksekutif mereka begitu tinggi sekali sehingga ada yang melebihi Perdana Menteri.

"Saya pun berasa sedih juga," katanya berseloroh.

Beliau bagaimanapun menegaskan, kerajaan tetap akan membayar gaji kakitangan awam mengikut kemampuan kewangannya.

Tuntutan terbaru Cuepacs ialah meminta kerajaan membayar elaun bandar raya sebanyak 20 peratus daripada gaji pokok kakitangan awam berikutan kos sara hidup di bandar besar semakin meningkat.

Sehingga kini, sebanyak 350,000 kakitangan awam berkhidmat di ibu negara, Ipoh, Johor Bahru dan Pulau Pinang.

Perbincangan pelarasan terakhir gaji dan elaun kakitangan awam antara Cuepacs dengan kerajaan ialah pada 1995.

Kerajaan membayar pelarasan gaji berjumlah RM2.096 bilion pada Februari 1996 selepas kedua-dua pihak mencapai kata sepakat.

Antara yang dipersetujui ketika itu ialah pembayaran Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) buat pertama kali dengan kadar minimum RM85 sebulan kepada 655,000 kakitangan kerajaan.

Kakitangan terendah kumpulan sokongan pula menerima pakej pelarasan gaji

di antara RM139 dan RM161 sebulan membabitkan elaun rumah, kenaikan gaji pokok dan gaji tahunan.

Elemen utama yang ketara dalam formula itu ialah pertambahan RM96 juta kepada pelarasan gaji, menjadikannya RM2.096 bilion.

Ini sekali gus melebarkan agihan enam tuntutan berkenaan kepada kumpulan profesional dan pengurusan, selain kumpulan sokongan.

Pelarasan itu dijangka berakhir pada tahun depan.

Ketika ditanya sama ada hasil kajian itu dapat membantu menyelesaikan masalah tuntutan dan pelarasan gaji kakitangan awam, Perdana Menteri berkata:

"Saya tidak tahu, tunggulah dulu."

(END)